



Kongres Kejuruteraan Sedunia (WEC2010) Bincang Isu Penting Semasa Teknologi Kejuruteraan



Prof. Dato' Abang Abdullah Abang Ali (2 kiri), Datuk Ir Daud Abdul Rahman (tengah) dan Prof. Madya Ir Megat Johari Megat Mohd. Noor (kanan) semasa menjawab soalan media.

KUCHING, 27 Mei – Kongres Kejuruteraan Sedunia (WEC2010) akan menjadi platform bagi membincangkan isu-isu penting dalam bidang kejuruteraan dan teknologi yang inovatif.

Pengerusi WEC, Prof. Dato' Abang Abdullah Abang Ali berkata isu kestabilan dan keselamatan global amat penting bagi para jurutera dan teknologi pada masa kini kerana kekerapan kemusnahan harta benda dan infrastruktur akibat bencana alam dan peperangan serta aktiviti penganas.

“Selain itu, isu perubahan iklim (climate change), kemampanan (sustainability) dan teknologi hijau (green technology) juga akan dibincangkan,” katanya pada sidang media WEC2010 di sini yang turut dihadiri oleh Menteri Muda di Pejabat Ketua Menteri, Datuk Ir Daud Abdul Rahman dan Pengerusi Bersama WEC2010, Prof. Madya Ir Megat Johari Megat Mohd. Noor selaku Timbalan Presiden FEIIC.

Kongres pada 2 hingga 5 Ogos 2010 di Hilton Kuching, Sarawak dianjurkan oleh Federation of Engineering Institutions in Islamic Countries (FEIIC), Malaysian Society for Engineering & Technology (mSET) dan University Putra Malaysia (UPM).

Prof. Dato' Abang Abdullah selaku Presiden mSET berkata kongres kali keempat itu bertemakan 'Engineering & Technology for Global Stability and Security' bakal menghimpunkan pakar kejuruteraan dan teknologi, akademik, penyelidik dan saintis termasuklah pembuat polisi dan dasar dengan pembentangan 1,000 kertas kerja oleh peserta dalam dan luar negara.

“Di antara bidang yang akan dibentangkan dalam ucapnama adalah mengenai education & training, renewable energy, carbon emission, nanotechnology, nuclear engineering, natural disasters, aerospace & green technology,” katanya kepada 12 wakil media dari Kuching yang menghadiri sidang media itu.

Sempena kongres itu, lapan konferensi selari akan diadakan seperti Conference on Advanced Processes and Materials, Conference on Natural Resources and Green Technology, Conference on Electrical and Electronic Technology, Conference on Manufacturing Technology and Management, Conference on Aerospace and Mechanical Engineering, Conference on Buildings and Infrastructural Technology, Conference on Engineering and Technology Education dan Conference on Information Security dan Conference on Geomatics & GIS.

Pada masa yang sama FEIIC akan mengadakan Mesyuarat Majlis FEIIC ke 23 yang dipengerusi oleh Engr Wael As Saqqa dari Jordan Engineering Association, Jordan bagi membincangkan perkembangan beberapa projek FEIIC termasuk Engineering Qualification, Accreditation and Professional System Project, International Engineering Centre, cadangan Perhimpunan Agung ke11 dan International Engineering Convention di Almaty, Kazakhstan.

Engineering Accreditation Council (EAC) bersama Malaysian Council of Engineering Deans juga akan mengadakan Engineering Education Summit untuk membincang perkembangan terkini dalam bidang pendidikan kejuruteraan di dalam dan luar Negara

semasa perhimpunan WEC2010 kali ini.

Berita disediakan oleh Seksyen Media, Bahagian Komunikasi Korporat (Khairul Anuar Muhamad Noh) dan Nik Syazurawati Nik Lah. Foto oleh Noor Azreen Awang.

Hak Cipta Terpelihara 2007
Universiti Putra Malaysia